

## Malaya Dalam Sistem Pertahanan Imperial British Sebelum dan Selepas Perang Dunia Kedua

NADZAN HARON

Perbincangan tentang tajuk ini perlu dilihat dari kemampuan Britain sebagai sebuah negara kecil yang sentiasa menghadapi masalah dalam pertahanan di Eropah dan ditanah jajahan yang bertaburan dan terpisah jauh. Cabaran keatas pertahanan bermula sejak perkembangan teknologi ketenteraan 1850an diikuti dengan kebangkitan kuasa Jerman yang menggugat imbalan kuasa di Eropah yang kemudiannya menimbulkan masalah pertahanan kepada Britain. Mutini yang berlaku di India pada dekad yang sama menyebabkan pula sebahagian pasukan tentera British terpaksa ditempatkan di India sebagai tentera garison. Penempatan tentera garison ini telah mengikat sebahagian besar Tentera British di India dan ini menyulitkan Britain bagi memenuhi keperluan pasukan tentera di tempat-tempat lain.

Sebagai sebuah negara yang bergantung kepada kuasa angkatan laut Britain mendekati masalah pertahanan imperialnya melalui strategi Laut Biru (*Blue Water Strategy*). Strategi ini memerlukan peningkatan kekuatan tentera laut kepada *two-Power Naval standard* yang bererti kekuatan tentera laut Britain perlulah sentiasa dikekalkan kepada dua angkatan laut negara asing yang terbesar. Dengan ini satu kekuatan berada di perairan Eropah, manakala satu lagi berada di luar perairan Eropah dalam keadaan *mobile*. Dengan ini bantuan kepada tanah jajahan yang terancam mudah akan dikejarkan. *Blue Water Strategy* ini tidak memerlukan penempatan batalion tentera yang besar memadai dengan penempatan pasukan tentera yang kecil bagi tugas bertahan sehingga sampainya bantuan dari kapal perang yang berhampiran itu. Sementara itu Britain juga menjalankan dasar supaya setiap tanah jajahan diwajibkan menyumbangkan kepada pertahanan imperial dalam bentuk tentera kolonial dan dalam bentuk wang. Negara *Dominion* jiwa tidak terkecuali dari tanggungjawab, ini dimana Canada, Australia dan New Zealand dikehendaki menghantar pasukan tentera bila diperlukan seperti dalam Perang Boer 1899-1902 yang mengorbankan 22,000 pasukan British; dan kemudiannya dalam Perang Dunia Pertama di mana sebahagian dari pasukan British itu adalah terdiri dari tentera negara *Dominion*. Bagi tanah jajahan di mana penduduk tempatan diklasifikasikan sebagai ras tentera *marital race* dan secocok dengan doktrin tentera kolonial seperti India tanah jajahan berkenaan diwajibkan menubuhkan unit-unit tentera kolonial bagi keperluan pertahanan imperial, untuk tugas garisan dimana diperlukan semasa aman dan sebagai anggota medan semasa perang.<sup>1</sup>

Bagi tanah jajahan yang mempunyai sumber ekonomi yang kaya dan penduduknya diklasifikasikan tidak mempunyai kualiti ras tentera dan tidak

pula memenuhi kehendak doktrin tentera kolonial, tanah jajahan berkenaan diwajibkan menubuhkan 'tentera upahan' disamping dipinta menyumbangkan wang bagi keperluan kos pertahanan imperial. Diandaikan dengan adanya pasukan tentera upahan itu masalah keselamatan dalam negeri lebih terjamin. Manakala apabila berlakunya serangan dari luar pasukan yang terlatih ini akan membantu Regimen British yang sedia ada bertahan sehingga sampainya bantuan dari kapal perang British yang terdekat.

Penduduk kulit putih di tanah jajahan sering menjadi sasaran utama sekiranya berlaku kekacauan maka itu kerajaan kolonial tempatan diarahkan supaya menubuhkan pasukan sukarelawan *volunteer forces* kulit putih<sup>2</sup> Dengan adanya pasukan ini keselamatan penduduk kulit putih lebih terjamin. Pasukan ini akan membantu pasukan polis apabila berlaku ancaman keatas keselamatan dalam negeri dan akan menjadi sebahagian anggota pasukan yang bertahan apabila berlaku serangan musuh dari luar. Di bawah sistem pertahanan *imperial* yang demikian *Garison Malaya* hanya terdiri dari satu batalion Rejimen British yang ditempatkan di Singapura, satu batalion dari Tentera India yang juga ditempatkan di Singapura, satu batalion tentera upahan iaitu *Malay States Guides* yang ditempatkan di Taiping, Penang dan Kuala Lumpur dan pasukan sukarelawan kulit putih yang terdiri dari *Straits Settlements Volunteer Force* dan *Malay States Volunteer Rifles*.

Selain dari perbelanjaan penempatan tentera dan pembiayaan tentera upahan Malaya juga telah diminta memberi sumbangan kewangan dari masa ke semasa. Sebelum meletusnya Perang Dunia Pertama Negeri-Negeri Melayu telah membayar kos sebuah kapal perang *HMS Malaya* yang digunakan oleh *Royal Navy*. Semasa Perang Malaya telah memberi sumbangan kewangan yang besar kepada Britain. Sejumlah 500,000 telah disumbangkan pada tahun 1916, 500,000 lagi pada tahun berikutnya dan 750,000 lagi pada tahun 1918.<sup>3</sup>

Untuk memperkuat kedudukan pertahanan pendekatan diplomasi juga dijalankan. Bagi mengatasi masalah pertahanan Timur Jauh, kerjasama pertahanan telah dicapai melalui *Anglo-Japanese Treaty 1902*. Kerjasama ini disaksikan semasa Perang Dunia Pertama di mana Jepun telah membantu Britain dalam menghadapi mutini pasukan *5th Light Infantry* yang berlaku di Singapura pada tahun 1915.<sup>4</sup> Angkatan Laut Jepun juga telah membantu *Royal Navy* menghadapi ancaman angkatan Laut German di perairan Timur Jauh sepanjang zaman peperangan berkenaan<sup>5</sup> Usaha diplomatik juga diadakan dengan pihak berkuasa Belanda di Indonesia dimana wujudnya kerjasama dalam hal keselamatan.<sup>6</sup>

Selepas Perang Dunia Pertama tamat Britain walaupun berada di pihak yang menang namun perang berkenaan telah melemahkan kedudukan ekonominya dengan terpaksa menanggung hutang yang banyak. Separuh dari angkatan lautnya telah musnah. Perang Peparitan '*trench warfare* telah mengakibatkan kematian dan kecederaan yang besar' Pengalaman dari perang berkenaan mengakibatkan kesan psikologi yang mendalam dimana anak muda enggan

memasuki tentera dan ibu bapa pula tidak menggalakkan anak mereka berkhidmat dalam angkatan bersenjata. Dalam pada itu tanggungjawab Britain keatas pertahanan bertambah luas di mana Persetiaan Versailles telah menyerahkan sebahagian besar Empayar Turkey di Timur Jauh kepada Britain sebagai *mandated states*. Selepas Perang Dunia Pertama ini juga Britain mula menghadapi masalah keselamatan dalam negeri di tanah jajahannya dengan kebangkitan elemen nasionalis khasnya di India yang memaksa Britain menempatkan lebih ramai unit British sebagai tentera *garison*. Britain menyedari bahawa ia tidak mampu membina semula kekuasaan angkatan lautnya kepada *a two power Naval standard* bagi menyaingi tentera laut Amerika dan Jepun. Bahkan wang banyak diperlukan bagi membaik pulih kapal yang telah rosak dan yang telah melebihi jangka *life-span*nya. Masalah yang dihadapi ini menyebabkan Britain perlu mengatur suatu strategi baru khasnya bagi menjaga kepentingannya di Timur Jauh.

*Admiralty* telah mengemukakan suatu strategi pertahanan berasaskan kekuatan tentera laut yang ada dengan mengambil kira tentera laut Australia, New Zealand dan Canada sebagai sebahagian dari keseluruhannya. Dengan ini Britain masih sebuah kuasa laut kerana berasaskan statistik jumlah kapal perang Britain dan negara dominian masih besar iaitu 42 berbanding dengan Amerika 16, Jepun 9, Perancis 7 dan Itali 5. Disamping itu Britain masih menguasai lima pengkalan strategik yang terpenting iaitu Dover, Gibraltar, Alexandria, Cape, dan Singapura. Strategi *one-power standard* menetapkan separuh dari kekuatan berada di perairan Eropah dan separuh lagi berada dalam keadaan *mobile* di luar perairan Eropah. Bagi pertahanan Timur Jauh strategi ini memerlukan pembinaan pengkalan tentera laut yang moden boleh menampung satu armada lengkap dengan segala kemudahan membaiki kapal perang yang terbesar dan segala keperluan seperti simpanan minyak yang mencukupi bagi melancarkan gerakan menyerang dalam suatu peperangan yang besar. Britain tidak mampu membawa tempat-tempat induk yang baru. Sebuah kapal perang ditetapkan jangka masa kegunaannya selama dua puluh empat tahun saja. Perjalanan yang jauh dan kapal yang ada kebanyakan kapal lama maka itu kemudahan membawa kapal berkenaan adalah perlu. Sebagai kubu pertahanan pengkalan tentera laut berkenaan perlu dilengkapi dengan meriam-meriam besar, satu *battle fleet*, serta dibantu oleh tiga batalion tentera darat dan squadron udara, kekuatan pasukan ini perlu mencukupi bagi tugas bertahan sekiranya diserang sementara menunggu sampainya bantuan dari perairan Eropah. Australia dan New Zealand adalah digabungkan bersama di dalam sistem pertahanan ini.<sup>8</sup>

Singapura telah dipilih kerana kedudukannya yang strategik berbanding dengan Hong Kong yang terlalu dekat dengan Jepun, Sydney atau Darwin di Australia berada di luar laluan perdagangan antara negeri China dengan Britain, manakala Colombo pula adalah jauh dari perairan Timur Jauh. Pembinaan projek ini selalu tergendala kerana masalah kewangan dan dasar kerajaan yang sering bertukar-tukar ganti di British.

Di bidang diplomasi pula oleh kerana ketidakmampuan Britain menyaingi Jepun dan Amerika dalam pembesaran angkatan tentera laut suatu persetujuan pembinaan kapal perang telah dicapai. Persetiaan Washington 1922 yang ditandatangani bersama oleh Britain, Amerika, Jepun, Perancis dan Italy menetapkan status quo kekuatan berasaskan nisbah Britain 5, Amerika 5 dan Jepun 3. Nisbah ini kemudiannya dinaikkan kepada 10:10:7 dan kemudiannya atas desakan Jepun dinaikkan lagi kepada 15:15:10. Manakala nisbah bagi Perancis ialah satu pertiga dari jumlah Britain dan Amerika. Begitu juga bagi nisbah Italy. Dengan perjanjian ini sehingga pada tahun 1936 bilamana Jepun memansuhkan komitmennya Britain dapat mengekalkan status quo yang ada.

Britain memang tidak mampu untuk terlibat dalam suatu peperangan besar maka itu sehingga penyerangan German keatas Poland pada bulan Jun 1939, Britain adalah penggerak utama kepada langkah mengelakkan perang melalui usaha diplomasi. Ini termasuklah *Kellog-Briond Pact*, Ogos 27, 1928 iaitu persetujuan yang menolak Perang sebagai alat bagi mencapai matlamat dasar negara; *London Naval Conference* Oktober 1930 bagi tujuan menurunkan kadar nisbah yang dipersetujui dalam Persetiaan Washington 1922; dan beberapa lagi persetujuan bagi mengelakkan Peperangan termasuklah *Munich Appeasement* (1938)

Di bawah sistem *One-Power-Naval standard* ini pertahanan Malaya adalah sama seperti sebelumnya iaitu berasaskan kepada konsep bertahan sehingga sampainya bantuan dari *main fleet*. Sehingga tahun 1938 pasukan pertahanan di Malaya masih terdiri dari dua batalion Rejimen British, satu batalion tentera upahan iaitu Pasukan *Burma Rifles* dan dibantu oleh unit sukarelawan kulit putih iaitu *Straits Settlements Volunteer Force* dan *Malayan Volunteer Regiment*.<sup>9</sup>

Walaupun *GOC Malaya* telah meminta tambahan kekuatan sejak tahun 1936, penambahan barisan pertahanan dibuat hanya pada pertengahan 1940 apabila tempoh sampainya bantuan *main fleet* itu diragukan kerana Britain berada dalam keadaan yang genting. Penambahan yang dilakukan secara tergesa-gesa ini juga dibuat kerana kedudukan yang agak jelas bahawa Jepun tidak mungkin menyerang Singapura dari hadapan akan tetapi dari belakang bermula dari utara Malaya. Ini memerlukan pasukan pertahanan yang besar yang agak sukar bagi Britain untuk menyediakannya. Bahkan bagi pertahanan laut Projek Singapura yang telah siap dibina pada tahun 1938 tidak mempunyai *battle fleet* yang diperlukan. Britain hanya dapat menghantar pertahanan laut yang terdiri dari *Prince of Wales* dan *Repulse* pada Oktober 1941. Sehingga bermulanya pendaratan Jepun pada bulan November 1944 Malaya berperanan sebagai penyumbang wang kepada pertahanan imperial. Negeri Malayu Besekutu dan Negeri Selat adalah penyumbang utama kepada kos pembinaan projek Singapura yang telah menelan belanja 10,000,000. Apabila meletusnya perang di Eropah pada tahun 1939 Malaya didesak menggandakan pengeluaran ekonominya bagi menampung keperluan usaha pertahanan Britain. sejak 1940.

Selepas Perang Dunia Kedua Britain menjadi suatu kuasa yang lemah. Ia menjadi negara yang menanggung hutang yang terbesar di dunia ketika itu.<sup>10</sup> Parti Buruh yang memerintah sehingga 1950 menghadapi berbagai masalah bagi membangunkan semula ekonomi yang diperlukan bagi belanjawan pertahanan. Pemulihan ekonomi telah terbantut akibat dari inflasi yang melanda; musim sejuk yang teruk pada tahun-tahun 1946 dan 1947; berlakunya *London dock strike* yang berlarutan pada 1949; kekacauan yang berlaku di tanah jajahan, dan perkembangan politik antarabangsa khususnya di Eropah dan Asia Timur.<sup>11</sup>

Dari segi komitmen pertahanan, tentera British diperlukan di Jerman bagi menjalankan tugas pentadbiran. Tentera British terlibat dalam pertempuran dengan komunis Yugoslavia kerana pertikaian wilayah Trieste. Dalam tahun 1946 tentera British terlibat membantu kerajaan Greece dalam peperangan menentang guerila komunis. Ancaman komunis yang semakin besar di Eropah telah mengikat sebahagian pasukan bersenjata British di Eropah.

Pada masa yang sama pasukan bagi keselamatan dalam negeri yang lebih besar diperlukan bagi menghadapi ancaman gerakan anti penjajahan. Keadaan huru-hara bertambah buruk di Palestin, Egypt dan Cyprus, begitu juga di tanah jajahan British yang lain kerana tuntutan kebebasan politik. Britain sesudah 1945 yang bergantung kepada pinjaman dari Amerika tidak mampu menyediakan kos dan tenaga manusia bagi menghadapi masalah keselamatan di tanah jajahan yang bertaburan. Pada masa yang sama kerajaan Parti Buruh juga telah menamatkan perkhidmatan kerahan tenaga. Keadaan ini menyulitkan lagi dengan kehilangan Tentera India. Sebelum August 1947, India adalah tulang belakang kepada pertahanan imperial dan membekalkan 4/5 daripada keseluruhan pasukan bersenjata yang diperlukan bagi pertahanan sebelah timur Suez semasa Perang Dunia Kedua.<sup>12</sup> Lebih dari 21/2 million tentera India terbabit dalam Perang Dunia Kedua.<sup>13</sup> India juga merupakan *Financial reservoir* untuk pertahanan imperial. 40.8 peratus dari jumlah keseluruhan perbelanjaan India 1937-8 diperlukan bagi pertahanan berbanding dengan 23.2 peratus bagi Britain.<sup>14</sup> Pentingnya Tentera India dalam pertahanan imperial menyebabkan British berusaha sedaya yang boleh untuk mengekalkan peranan Tentera India dalam pertahanan imperial, selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Dalam bulan Mac, 1946, kerajaan Buruh bercadang untuk mengenakan syarat bagi pengunduran British dari India, antaranya penyusunan yang sesuai bagi menjaga kepentingan pertahanan British di Lautan India dan Timor Jauh.<sup>15</sup>

Penghantaran Mountbatten sebagai *Governor-General* India ada kaitannya dengan rancangan ini. Hubungan baik antara Mountbatten dengan Nehru dan pemimpin *Congress* yang lain dijangkakan boleh mengekalkan ikatan militer British dengan India. Britain berharap kehadiran India dalam Komanwel dan ikatan tentera dengan India akan membantu Britain mengekalkan statusnya sebagai sebuah kuasa besar selepas 1945. Matlamat ini dikongsi bersama oleh pemimpin parti *Conservative*, pegawai-pegawai Kementerian Luar, *Dominions*, *Colonial* dan *Commonwealth Relations Officers*; dan *Chief of Staff*.<sup>15</sup> Bagi

mereka ikatan dalam komanwel merupakan suatu cara di mana Britain berupaya mengekalkan statusnya. Dalam bulan Oktober 1947, *Chiefs of staff* menerangkan ikatan tentera dalam komanwel adalah penting bagi keselamatan dalam perang. Tanpa itu, mungkin mengurangkan kekesanan pengaruhnya.<sup>17</sup>

Britain inginkah peranan India dalam satu sistem kerjasama persefahaman Komanwel. Bahkan Menteri Pertahanan British, A.V. Alexander telah menasihatkan Perdana Menteri Attlee supaya memberi amaran kepada kerajaan India dan Pakistan bahawa perhubungan Britain dengan India dan Pakistan adalah tergantung kepada kejayaan rundingan ketenteraan itu.<sup>18</sup> Malangnya usaha untuk mengekalkan peranan negara India yang merdeka di dalam sistem keselamatan imperial telah gagal. Pada 20 Februari 1947 pengumuman telah dibuat tentang pengunduran kuasa British dari India tanpa sebarang syarat pada Jun 1948. Sejak dari pembentukan kerajaan peralihan pada September 1946, Kongres telah mendesak supaya kesemua 30,000 anggota tentera India yang masih berada di sebarang laut di Timur Tengah dan Timur Jauh dibawa balik ke India.<sup>19</sup>

Segala usaha telah dijalankan oleh Britain bagi menarik India ke dalam suatu pakatan ketenteraan *Anglo-Indian*, tetapi juga tidak berhasil. Ekoran dari perkembangan politik dunia yang semakin bergolak di Eropah, kejayaan Parti Komunis China merampas kuasa dalam bulan September 1949, dan perkembangan pengaruh Komunis di Asia Tenggara, adalah diharapkan India boleh memainkan peranan utama menentang komunisme di Asia.<sup>20</sup> Akan tetapi pendirian India dalam Perang Korea Jun 1950 dan komitmennya kepada negara-negara berkecuali menamatkan harapan Britain. Sejak itu Britain telah melupakan harapan memasukkan India dan Pakistan ke dalam apa juga sistem pertahanan komanwel.<sup>21</sup> Akibat dari kehilangan tentera India ini Britain adalah ibarat mahkota yang kehilangan permatanya. Britain telah lari dari tanggungjawab pertahanannya di Palestin pada tahun 1948. Britain juga telah menyerahkan tanggungjawab pertahanannya di Greece dan di Iran pada tahun yang sama kepada Amerika.

Bagi pertahanannya di Malaya suatu program perlu diatur akibat dari pengunduran 12,000 anggota tentera India yang masih ditempatkan di Malaya. *Southeast Asian Command* (SEAC) telah mengemukakan kepada *War Office*, program ketenteraan yang dinamakan *Malayan Army Project*. Dianggarkan bahawa pasukan infantri saja memerlukan anggota tujuh belas batalion. Untuk *division* yang lengkap pasukan artileri, jurutera dan perkhidmatan *ancillary* perlu juga ditubuhkan. Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Peringkat pertama dilaksanakan bagi tahun kewangan 1946/1947; peringkat kedua bagi tahun kewangan 1947 hingga 1949. Peringkat ketiga bagi tahun kewangan 1949 hingga 1951.<sup>22</sup> Sementara itu sebagai langkah untuk mengatasi beban kewangan yang dihadapi oleh Britain, tenaga manusia tempatan telah diambil untuk perkhidmatan dalam unit-unit am pasukan *British Army*. Mereka yang dikenali sebagai *Local Enlisted Personnel* (LEP) ini terdiri dari orang

tempatan dan sebilangan besar dari mereka terdiri dari pemuda Melayu. Sementara itu pasukan kecil *Malayan Navy* dan *Malayan Air Force* juga telah ditubuhkan pada tahun 1947.

Kehilangan tentera India dalam pertahanan imperial memaksa Britain mengambil langkah bagi menyakinkan lagi Australia dan New Zealand tentang peranan mereka dalam pertahanan imperial. Britain terpaksa menyakinkan kedua-dua negara berkenaan bahawa kejatuhan Malaya kepada tangan komunis bermakna keselamatan Australia dan New Zealand adalah terdedah kepada kuasa komunis. Ini telah diperkuatkan oleh pengalaman ancaman kerantauan *regional threat* semasa zaman Jepun.

Semasa Persidangan Perdana Menteri Komanwel 1946 di London persetujuan telah dicapai antara Australia, New Zealand dan Britain bagi merangka satu *strategic planning* bagi pertahanan kawasan Barat Daya Pasific, termasuk Malaya. Adalah dipersetujui pada prinsipnya negara-negara *dominion* akan memikul bahagian yang lebih besar bagi pertahanan imperial. Pada bulan Mei 1948 perancangan *ANZAM (Australia, New Zealand and the Malayan Area)* telah bermula. Australia mula menghantar bantuan senjata pada July 1948 bagi keperluan menentang pemberontakan Parti Komunis Malaya yang baru bermula. New Zealand pula menghantar No. 41 *Transport squadron* ke Malaya pada tahun 1949 bagi operasi bekalan udara kepada anggota keselamatan di dalam hutan. Pada 27 Jun 1950 *bomber squadron* telah dihantar bagi operasi pengeboman di hutan-hutan Malaya.<sup>23</sup>

Ekoran dari perkembangan politik dunia yang semakin menggoncang di Eropah dan di Timur Jauh ahli strategi telah merangka satu strategi bagi pertahanan Malaya. Ancaman kepada pertahanan Malaya tertumpu kepada perkembangan di Asia Timur. Kejatuhan Kuomintang pada tahun 1948 telah diikuti oleh Perang Korea. Kuasa Perancis di Indochina semakin mengalami kejatuhan. Sementara itu, masalah pemberontakan PKM yang dihadapi adalah semakin serius. Ketika ini keselamatan Malaya dirasakan terancam. Perkembangan di Eropah pula menyekat kebebasan Britain untuk mengarahkan pasukan bersenjata yang bertugas di Eropah ke Timur Jauh. Untuk menghadapi ancaman suatu jawatankuasa *British Defence Co-ordination Committee, Far East* telah dibentuk bagi mengkaji dan merangka satu strategi bagi pertahanan Malaya dari serangan pasukan Komunis China yang diandaikan berlaku antara 1952 dan 1956.

Strategi yang dihasilkan adalah berasaskan laporan risik yang dibuat oleh *Joint Intelligence Committee, Far East* bertajuk *Possible Military Operations in Southeast Asia by Chinese Armed Forces between 1952 and 1956*<sup>24</sup> diandaikan bahawa keupayaan China untuk menyerang kuasa British di Asia Tenggara adalah dengan bantuan Soviet Union dan kerjasama gerakan komunis tempatan.

Penilaian risik melaporkan bahawa negeri China walaupun dengan bantuan Soviet dari segi kewangan adalah tidak berupaya membekalkan dan

menanggung bilangan besar pasukan tentera yang moden. China dengan tenaga manusianya yang berlebihan akan bergantung kepada keupayaan menghantar bilangan tentera yang besar untuk memenangi pertempuran. Bagi operasi di Asia Tenggara, China mampu menyediakan dua *Field Armies* yang berjumlah 500,000 orang. Namun itu pasukan ini tidak merupakan pasukan yang cekap, kurang terlatih dan dibekalkan dengan senjata yang inferior mengikut standard ketenteraan barat.

Dari segi kekuatan pasukan tentera laut pula, nilai keupayaan bertempur angkatan laut China adalah rendah. Soviet tidak berkemungkinan memberi bantuan angkatan laut kepada China, namun demikian operasi kapal selam Soviet di perairan selatan akan membantu China secara tidak langsung. Serangan China ke atas Malaya dari Laut diandaikan tidak mungkin berlaku dengan syarat *Royal Navy* sentiasa melakukan rondaan di perairan laut China Selatan.

Dari segi kekuatan tentera udara, China hanya mampu memberi sokongan taktik kepada pasukan daratnya. Kemungkinan *Strategic Air Action* dilakukan oleh Soviet yang dijangka menempatkan 200 *bombers* di selatan negeri China bagi menyerang sasaran musuh. Berasaskan kepada penilaian ini dengan mengambilkira komitmen dalaman dan operasi tentera Amerika di tanah besar diramalkan bahawa China akan menyerang Malaya melalui darat. Satu bahagian dengan kekuatan 250,000 orang akan mara melalui jalan timur dan satu lagi kekuatan yang terdiri antara 60,000 hingga 125,000 orang mara melalui jalan barat.

Kemaraan tentera Cina, melalui laluan timur dijangka ditentang oleh tentera Peranchis di Tonking. Tanpa bantuan barat serta tekanan dari tentera Viet Minh, Tonking dijangka jatuh dalam masa D + 120 hari. Tentera China akan memerlukan pengkalan untuk melancarkan operasi menyerang Malaya. Kemungkinan Bangkok akan dipilih sebagai pengkalannya. Dua cara untuk menghadapi serangan Tentera Komunis China ialah:

- a) Dengan menahan kemaraan musuh di kawasan yang jauh dari sempadan.
- b) Dengan menubuhkan barisan pertahanan di sempadan Malaya - Siam atau di kawasan yang berhampiran.

Pilihan b) difikirkan tidak sesuai kerana keadaan hutan yang tebal dan bergunung-ganang sepanjang 310 batu memerlukan tenaga tentera yang besar untuk pertahanan yang berkesan. BDCC berpendapat bahawa Malaya boleh dipertahankan sebagai sebahagian dari suatu skim umum bagi pertahanan Asia Tenggara. Dari perhitungan militer, Tonking adalah kedudukan yang baik untuk menentang serangan komunis China. Skim ini memerlukan suatu angkatan yang besar dan Britain tidak mampu memenuhi keperluan pertahanan demikian. Skim ini perlukan pertahanan kolektif antara Amerika, Britain dan Peranchis. Namun demikian Malaya perlukan satu strategi pertahanan sendiri yang berasaskan kepada kemampuannya. Pertahanan Malaya memerlukan penubuhan



kedudukan bertahan di Kra Isthmus. Ini perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya empat atau enam bulan lebih awal.

Modus operandi strategi *Operation Galloper* ini adalah pertama, dengan penaklukan kedudukan bertahan di Kra Isthmus di garis lintang Songkla oleh Division Gurkha. Kedua, pengurangan anggota dalam kedudukan kedudukan kepada pasukan pelindung, pengunduran baki anggota ke dalam simpanan dan memperbaiki kedudukan termasuk komunikasi. Ketiga, apabila serangan sudah ternyata semua pasukan tentera yang ada dikerahkan kepada kedudukan Kra Isthmus, kecuali bagi anggota yang diperlukan untuk menjaga perhubungan yang perlu. Pada masa yang sama tentera laut yang mencukupi adalah diperlukan bagi menjaga keselamatan pantai dan menjaga *supply line* Untuk membantu kedudukan di Kra Isthmus tentera udara diperlukan bagi pertahanan udara, membantu kedudukan di darat dan laut.

BDCC menetapkan strategi ini memerlukan 1 corps tentera darat yang terdiri dari dua division, lengkap dengan *armour* dan *supporting arms*. Ia juga diperlukan tambahan dua briged lagi untuk keperluan keselamatan dalam negeri Malaya. Pasukan navy pula terdiri dari satu pasukan pengempur dan *aircraft carrier*, dua kumpulan kapal pengiring dan tiga *flotillas* penyapu periuk api, empat *flotilas motor launches* dibantu oleh empat *frigates* dan lima LST atau sebelas LCT. Manakala pertahanan udara pula perlukan lapan *fighter squadron* (16 UE), dua *squadron light bomber* (8 UE), tiga *squadron MR transport* (8 UE), tiga *maritime reconnaissance squadron* (5 UE) dan 1 *PR squadron* (8UE).

Sama ada kedudukan Kra Isthmus boleh dipertahankan atau tidak juga tergantung pada langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjamin sokongan moral dan material penduduk Malaya keseluruhannya. Untuk mengatasi masalah kekuatan militer yang diperlukan tiga langkah utama telah diambil. Pertama, memastikan komitmen Australia dan New Zealand dengan meyakini lagi kedua negara berkenaan bahawa keselamatan mereka tergantung kepada pertahanan Asia Tenggara. Usaha-usaha ini berjaya bila Richard Casey, menteri hal ehwal luar Australia mengumumkan semasa pertemuan di Kuala Lumpur dengan Gerald Templer bahawa pertahanan Australia dan Malaya adalah sama. Ini kemudiannya membawa kepada pembentukan *Commonwealth Strategic Reserve* (CSR) di Malaya pada tahun 1955.<sup>26</sup> Sekiranya berlaku peperangan di mana musuh-musuh luar mengancam keselamatan Malaya tentera CSR siap sedia untuk bertindak. Pembentukan CSR melibatkan komitmen penempatan tentera Australia dan New Zealand di Malaya.

Strategi *operation galloper* ini memerlukan satu division Regimen Gurkha sebagai benteng barisan hadapan. Untuk menyediakan pasukan Gurkha yang diperlukan satu pusat rekrut dan latihan tentera ditubuhkan di Kluang, Johor. Pengambilan rekrut telah dihantar ke Nepal masa ke semasa bagi menjalankan pemilihan. Rekrut ini dibawa ke pusat latihan khas di Kluang dan seterusnya dihantar ke Singapura untuk latihan lanjut. Sehingga tahun 1955, seandainya dilaksanakan *operation galloper division* Gurkha yang diperlukan

sudah tersedia.

Manakala bagi memenuhi keperluan dua briged tentera bagi tugas keselamatan dalam negara. *GHQ FARELF* telah mengarahkan penyusunan semula unit tempatan bagi mempertingkatkan kecekapan briged yang diperlukan. Pasukan Askar Melayu telah di perbesarkan sehingga mencapai kekuatan tujuh batalion.<sup>29</sup> Pada masa yang sama usaha diplomasi telah dijalankan untuk meyakinkan Siam tentang keperluan menjalan *photographic reconnaissance* bagi keperluan keselamatan bersama. Kerajaan Siam telah memberikan kerjasama dalam liaison polis berhubung dengan darurat. Terdapat perjanjian tidak rasmi dimana dalam keadaan tertentu pasukan Polis Malaya dibenarkan memasuki sehingga kawasan tertentu dalam wilayah Siam.<sup>28</sup> Dengan kerjasama ini British bukan sahaja dapat melengkapkan perancangan bagi *operation galloper* bahkan mengemukakan Siam membayar separuh dari kos pemetaan udara yang dibelanjakan.

Strategi ini juga ada kaitan dengan dasar '*to win the hearts and minds of the people*' yang diperkenalkan oleh General Templer pada tahun 1952. Dari keterangan dokumen yang ditawan, Parti Komunis Malaya sedang mengatur strategi memperkuatkan dan memperluaskan perjuangan melalui pembentukan *International Armed Force*.<sup>29</sup> Diramalkan kemenangan Tentera Komunis China di Indochina dan Siam akan menggalakkan elemen *subversive* komunis di Malaya. Sekiranya ini berlaku sebahagian pasukan tentera akan terikat menjaga keselamatan dalam negeri. Sebahagian dari penduduk Malaya adalah terdiri dari orang Cina. Kemaraan Tentera China ke sempadan Malaya dikuatirkan mengubah pendirian mereka.<sup>30</sup> Dasar '*to win the hearts and minds of the people*' ini menarik rakyat menyokong usaha-usaha British mengatasi masalah keselamatan dalam negeri.

Sepertimana yang dijelaskan Britain sentiasa menghadapi masalah pertahanan samada di Eropah atau di tanah jajahn yang bertaburan itu. Dengan sumber kewangan dan tenaga manusia yang terhad Britain telah mengatasi masalah pertahanan berkenaan dengan melaksanakan strategi tertentu. Strategi ini mewajibkan tanah jajahan menyumbangkan kepada pertahanan imperial sama ada dalam bentuk tenaga manusia atau kewangan atau kedua-duanya. Sehingga kedatangan Jepun peranan Tanah Melayu terhadap pertahanan imperial adalah dalam bentuk kewangan. Negeri Melayu Bersekutu telah dipaksa menanggung kos penubuhan dan penempatan pasukan MSG dan kemudiannya *Burma Rifles*. Negeri Selat pula dipaksa membiayai penempatan dua batalion Regimen British dan satu batalion Tentera India. Malaya juga terpaksa membiayai kos penubuhan pasukan *volunteer* British. Di samping itu sumbangan kewangan dalam bentuk tunai dikenakan bagi pembelian kapal perang, kos pembinaan strategi Singapura dan sumbangan kepada pembiayaan perang di Eropah. Selepas Perang Dunia Kedua Malaya terpaksa menanggung kos keselamatan dalam negeri dan kos penubuhan dua divisyen Regimen Gurkha yang diperlukan bagi pertahanan Melayu dari ancaman luar.<sup>31</sup>

Peranan penduduk tempatan dalam mempertahankan tanah air mereka tidak diberi perhatian. Pembentukan satu batalion Rejimen Melayu adalah sebab politik dan bukan keperluan pertahanan. British lebih suka pengekalan pasukan tentera upahan iaitu *MSG* dan *Burma Rifles* memikirkan tugas dwifungsi pasukan ini adalah lebih efektif dari Rejimen Melayu yang belum teruji. Perubahan mula berlaku selepas Perang Dunia Kedua khususnya dengan kehilangan Tentera India. Sehingga tahun 1940 Britain kurang memberi perhatian yang serius terhadap pertahanan negeri-negeri Melayu. Arahan kepada *GOC Malaya* ialah mempertahankan *Naval Base* dan menghindarkan musuh dari menggunakan pengkalan yang strategik ini.<sup>32</sup> Ini bererti tugas barisan pertahanan adalah lebih mempertahankan Singapura saja dan tidak Malaya secara keseluruhannya. Langkah bagi pertahanan Malaya secara keseluruhan diambil hanya apabila terdapat kebimbangan bahawa Britain mungkin tidak dapat menghantar *Main Fleet* seperti dalam strategi yang dibuat kerana kegentingan keselamatan Britain ketika itu. Oleh kerana tugas utama adalah mempertahankan Singapura dan menghalang musuh dari menggunakan kemudahan pengkalan laut yang strategik itu maka itu Tentera British tergesa-gesa berundur ke Singapura apabila mereka gagal bertahan di Utara Malaya. Apabila mereka tidak berupaya mempertahankan Singapura lantas *Naval Base* itu dimusnahkan sebelum penyerahan kalah.

Pengalaman dari kekalahan tahun 1942, masalah keselamatan dalam negeri yang kian terancam, serta ancaman anasir luar yang dihadapi memaksa Britain memberi perhatian serius terhadap pertahanan Malaya. Amalan di mana pertahanan Malaya hanya memadai dengan satu atau dua batalion Rejimen British, satu batalion tentera India, satu batalion tentera upahan dan pasukan sukarelawan kulit putih telah berlaku. Ancaman terhadap keselamatan Malaya semakin besar sejak tahun 1946 dan satu dekad berikutnya. Sepanjang dekad berkenaan Malaya menyaksikan garisan tentera hampir disetiap bandar.

1 Untuk keterangan lanjut, tentang penubuhan tentera kolonial lihat Nadzan Haron 'Colonial Defence British Approach to The Problems in Malaya', dalam *Modern Asian Studies*, Vol. 24, 1990, hal. 274 - 295.

2 Lihat Nadzan Haron, 'The Raising of Volunteer Corps In Malaya', dalam Nik Hassan Shuhaimi, Nik Anuar dan Yahya Abu Bakar (peny.), *Sumbangsih: Kumpulan Esei Sejarah*, Jabatan Sejarah UKM, 1988, hal. 28-39.

3 Arthur Young to Viscount Milner, 17.5. 1919, CO 273/487.

4 Lihat Nadzan Haron, 'The Classic Ingredients Of Mutiny in the Indian Army: The Case of The 5th Fifth' Right Infantry, *JEBAT*, 17 (1989): 3-26.

5 Swettenham to Chamberlain, 5.2.1903, CO 273/293; dan Anderson to Crewe, 4. CO. 1910, Co 273/359.

6 Grey to Harcourt, 10.10 1913, CO 273/402. Untuk perbincangan lanjut tentang dasar pertahanan British ini lihat Nadzan Haron, 'British Defence Policy in Malaya', KM De Silva (ed.). *Asian Panorama*, New Delhi, 1990, hlm. 436-455.

7 Untuk keterangan lanjut lihat Larry H. Addington, *The Patterns of War Since*

*the Eighteenth Century*, London, 1984.

8 'The Strategical Problems Of Singapore', Lecture By A. E. Percival in January 1937, *Percival Papers*, Imperial War Museum, London.

9 'The Singapore Naval Base Supplement', *Singapore Free Press*, February 14, 1938.

10 Paul Kennedy, *The Realities Behind Diplomacy*, London, 1981 h. 318.

11 P.Knaplund, *Britain Commonwealth and Empire, 1901-1955*, London, 1956. hlm. 282.

12 COSC Meeting, 20 December, 1950 DEFE 4/38.

13 Michael Howard, *The Continental Commitment*, London, 1972, hal. 17-1

14 C.R. Tomlinson, *The Political Economy of the Raj 1914-1947*, London, 1979, hlm. 155.

15 CIBC Meeting, 14 January 1946, *Transfer of Power*, VI, hal. 788-799.

16 C. Thorne, *Allies of a Kind*, London, 1978, h. 708-709.

17 .COSC, 'Strategic Summary', 16 September, 1947, DEFE 4/8.

18 A.V Alexander to Attlee, 13 November, 1947, PREM 8/930.

19 Pethick-Lawrence to Wavell, 26 September 1946. *Transfer of Power*, VII, hlm.. 587-604.

20 COSC 'Strategic Summary', 16 October 1947, Ref, 17. DEFE 4/8.

21 COSC Meeting, 14 February 1949, DEFE 4/19.

22 C. in C. to War Office 95081/SDI.

23 P. Boyce, 'Twenty-one years of Australian Diplomacy in Malaya', *JSEAH*, Vol 4, No. 2, 1963, hlm. 78-87.

24 Joint Intelligence Committee, Far East, (49) 51.

25 BDCC (F.E). (50) 4 (P) 9 August 1950, 188327.

26 Sehingga pada April 1955 komitmen Australia meliputi, infrantri batalion 2 squadron fighter Wing, 1 squadron Bomber, dan pasukan tentera laut yang terdiri dari 2 destroyers dan 2 frigates. *Current Notes On International Affairs*, Vol. 26, No. 4 (April 1955), hlm. 279.

27 BDCC (FE) (50) 4 (P), 9th August, 1950, and GHQFARELF 188344, 18-19 Dec. 1951, WO 32/15210.

28 Memorandum by the Office of the Commissioner General in South East Asia, Siam in Relation to the Defence of Malaya, 25 August 1950, CO 537/6328.

29 Captured Malayan Communist Party Documents, WO 1022/187.

30 The Defence of Malaya, XC 188389, CO 537/6328.

31 Extract from Official Report of the Proceedings of the Debates on the Army Estimates, 6 May 1953, CO 968/386.

32 'The Strategical Problems of Singapore', Lecture by A.E. Percival, January 1937, *Percival Papers*, Imperial War Museum, London.